

**Pelaburan meningkat
Utusan Online
25 April, 2012
Oleh AINUL ASNIERA AHSAN**

KOTA KINABALU 24 April - Jumlah pelaburan rakyat Sabah dalam Permodalan Nasional Berhad (PNB) meningkat sekali ganda kepada RM12.05 bilion pada tahun ini, berbanding RM6 bilion pada 2007.

Presiden dan Ketua Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman berkata, jumlah pelaburan itu menyaksikan pertumbuhan kira-kira 17 peratus setahun.

"Setakat ini, penyertaan rakyat Sabah dalam pelaburan unit amanah PNB agak baik, menduduki kedudukan kelima dengan pelaburan berjumlah RM12.05 bilion dengan 1.09 juta pemegang akaun," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Bagaimanapun beliau berkata, dari segi purata pegangan unit setiap pelabur masih lagi rendah di negeri ini iaitu kira-kira 11,000 unit berbanding purata di peringkat nasional sebanyak 13,224 unit.

Sabah kini berada di kedudukan kelima dengan Selangor memiliki purata pegangan unit paling tinggi iaitu 20,000 unit setiap pelabur, Kuala Lumpur 19,710 unit, Sarawak 13,845 unit dan Johor 11,573 unit.

"Sehubungan itu, kita berharap dengan adanya MSAM di Sabah ini, kesedaran keperluan melabur dan merancang kewangan di kalangan mereka semakin meningkat.

"Dengan adanya MSAM, mereka akan lebih terdidik dengan konsep pelaburan jangka panjang untuk strategi jangka panjang supaya mereka mampu membuat pilihan pelaburan yang tepat," tambah beliau.

Mengulas mengenai sambutan MSAM oleh rakyat Sabah, Hamad Kama Piah berkata, beliau yakin dengan sambutan cukup baik sepanjang tiga hari pertama MSAM tahun ini mampu mencapai sasaran 200,000 pengunjung.

MSAM 2012 yang sedang berlangsung di Kompleks Sukan Likas telah mencatatkan sejumlah 100,000 orang pengunjung dalam tempoh tiga hari pertama ia dibuka pada 20 April lalu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0425&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm